

Keyakinan Pada Islam Mampu Selesai Pelbagai Masalah Ummah - Abdullah Bernama
11 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR 11 Okt (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi meminta umat Islam meletakkan sepenuh keyakinan terhadap agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T dalam apa jua yang dilakukan mereka, agar segala masalah yang dihadapi dapat diselesaikan.

Beliau berkata keyakinan itu mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi umat dan negara Islam di seluruh dunia.

"Kita mempunyai banyak masalah di Asia dan negara Islam lain seperti pembunuhan serta ketidakadilan kepada umat Islam...ini amat menyedihkan saya.

"Namun, dengan meletakkan keyakinan terhadap agama Islam dalam setiap perkara yang dilakukan termasuk dalam usaha menimba ilmu yang mampu membawa lebih banyak kejayaan kepada umat Islam di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menutup Persidangan Antarabangsa Islam di Asia dan Ocenia di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) di sini, Khamis.

Sehubungan itu, Abdullah berharap semua peperangan yang melibatkan umat Islam dapat dihentikan segera.

Persidangan tiga hari itu yang bertemakan 'Perspektif Sejarah, Kebudayaan dan Global' bertujuan menyebarkan ajaran Islam di benua Asia dan Oceania serta menonjolkan nilai-nilai toleransi dalam Islam.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701401>